

NO SOALAN :542**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI
WAN ISMAIL
(PERMATANG PAUH)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kekeliruan berkaitan pengumuman Ketua Pengarah Kastam mengenai penguatkuasaan GST ke atas 60 barangan dan nyatakan jaminan bahawa kadar 6 peratus GST tidak akan dinaikkan sebelum dan selepas Pilihan Raya Umum akan datang; dan adakah Kerajaan bercadang menggantikan GST dengan sistem percukaian yang lebih progresif .

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya, Kerajaan pada masa kini tiada perancangan untuk mengubah layanan semasa GST

ke atas senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan pada kadar 6%, 0% dan dikecualikan. Pindaan ke atas senarai barang pada kadar 0% yang dibuat sebelum ini yang berkuatkuasa mulai 1 April 2017 adalah bertujuan untuk diselaraskan dengan perubahan kod tariff *Harmonised System (HS) 2017* yang telah dilaksanakan melalui Perintah Duti Kastam 2017. Pindaan susulan ke atas Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) (Pindaan) (No.2) 2017 yang diwartakan pada 6 Jun 2017 untuk berkuatkuasa mulai 1 Julai 2017 telahpun dibatalkan pada 21 Jun 2017 dan dengan itu perkara ini adalah tidak berbangkit lagi pada masa ini.

Berkenaan dengan kadar GST, Kerajaan juga belum bercadang untuk mengubah kadar standard GST 6%. Kadar tersebut ditetapkan setelah kajian yang terperinci dibuat untuk memastikan ianya adalah kadar yang paling bersesuaian bagi Malaysia. Antara faktor yang telah diambil kira dalam menetapkan kadar GST tersebut adalah:

- i. kadar cukai jualan dan kadar cukai perkhidmatan yang telah dilaksanakan sebelum ini dimana cukai jualan dikenakan pada kadar 5% dan 10% manakala cukai perkhidmatan pula dikenakan pada kadar 6%;
- ii. sumbangan hasil cukai kepenggunaan;
- iii. tanggungan cukai oleh pengguna; dan

- iv. bantuan lain yang disediakan oleh pihak Kerajaan kepada peniaga dan pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk menggantikan pelaksanaan GST dengan mana-mana sistem percukaian kepenggunaan (*consumption tax*) yang selainnya. Ini adalah kerana struktur GST di Malaysia merupakan satu sistem percukaian yang adil dan bersifat progresif. Progresif bermaksud ia selaras dengan kelaziman bahawa semakin tinggi pendapatan seseorang maka semakin tinggi pula jumlah pendapatan tersebut yang dibelanjakan ke atas barangan dan perkhidmatan yang bukan asasi. Kedudukan tersebut menyebabkan jumlah GST yang dibayar adalah berkadar terus kepada jumlah pendapatan dimana mereka yang berpendapatan tinggi juga membayar jumlah GST yang lebih tinggi.

Senario tersebut di atas disebabkan pelbagai barang dan perkhidmatan asas tidak dikenakan GST sama ada dikategorikan sebagai pembekalan berkadar sifar, dikecualikan GST atau diberi pelepasan GST. Ini termasuklah barang makanan asas seperti beras, sayur, daging, tepung, gula dan minyak masak, buah-buahan dan lebih kurang 9,000 ubat-ubatan dikenakan GST pada kadar sifar. Bekalan elektrik bagi 300 unit pertama untuk kegunaan domestik dan

bekalan air untuk kegunaan domestik juga dikenakan GST pada kadar sifar. Selain itu, perkhidmatan pengangkutan awam, kesihatan dan pendidikan serta pembelian rumah kediaman telah dikecualikan dari GST. Kerajaan telah menetapkan supaya penjualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG juga diberi pelepasan GST.